

# Pelbagai saluran ada untuk mahasiswa bersuara

BERJAYA melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi adalah impian kebanyakan individu.

Ini kerana institusi pengajian tinggi dianggap gedung ilmu yang memberi ruang dan peluang kepada pelajar membina kematangan berfikir dan bertindak melalui aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum.

Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Dr Mohd Faisol Ibrahim berkata, melalui pelbagai aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum ini, pihak universiti menyediakan pelbagai wadah kepada pelajar menyuarakan pandangan mereka melalui pendekatan perbincangan, halaqah, penganjuran program dan sebagainya.

"Dalam erti kata lain mahasiswa diberi ruang dan peluang untuk menyuarakan pandangan mereka berkaitan politik negara tetapi dalam ruang lingkup kampus. Ini kerana mahasiswa perlu ingat dari sejak, kampus adalah medan untuk membentuk jati diri mahasiswa yang mempunyai kewarasan dalam bertindak dan bertutur serta tidak mengikut nafsu amarah yang akhirnya bukan sahaja merugikan mahasiswa itu sendiri tetapi memberi kesan kepada harapan ibu bapa mereka kelak.

Menurutnya, tidak salah sekiranya mahasiswa ingin menyuarakan pandangan mereka berkaitan politik tetapi mestilah melalui saluran yang dibenarkan pihak universiti. Pihak universiti sentiasa berlapang dada dan positif serta mengalu-alukan pandangan, tetapi mestilah melalui proses dan prosedur yang

telah digariskan.

"Mahasiswa merupakan aset terpenting negara dalam melahirkan modal insan yang bukan hanya semata-mata mempunyai segulung ijazah tetapi mempunyai daya intelektual aqli yang tinggi dan matang serta dipandu oleh kematangan ilmu naqli. Sekiranya kombinasi antara naqli dan aqli ini dapat dicerna oleh pemikiran mahasiswa sekarang, maka kepentingan agama, bangsa dan masyarakat akan lebih diutamakan berbanding kepentingan lain," katanya.

Justeru itu, katanya, mahasiswa yang mempunyai pakej naqli dan aqli akan meletakkan isu-isu dalam kampus menjadi keutamaan berbanding isu-isu lain kerana tugas hakiki mereka adalah berbeza dengan golongan yang bukan bergelar mahasiswa.

Beliau juga menambah, membawa status mahasiswa yang kebanyakan mendapat Pinjaman Tabung Perbadanan Tinggi Nasional (PTPTN) dan ada yang juga dibiayai ibu bapa, mereka sepatutnya gunakan peluang menuntut ilmu dengan baik, agar memperoleh keputusan cemerlang dan mampu membalas jasa.

"Kegagalan mahasiswa membezakan aktiviti baik dan buruk, apa yang perlu diutamakan dan apa yang tidak perlu diutamakan, tanggungjawab terhadap ibu bapa atau tanggungjawab kepada pihak tertentu perlu

diutamakan akan menyebabkan mereka hanyut dalam arus pergolakan politik yang hanya merugikan mahasiswa dalam jangka masa panjang.

"Pelbagai isu-isu kampus khususnya kebajikan mahasiswa, kemahiran insaniah dan

lain-lain lagi yang masih ada di kampus. Adalah wajar isu di dalam kampus diperjuangkan berbanding isu-isu luar. Kehidupan sebagai mahasiswa tidak sama dengan kehidupan dengan seseorang yang telah mempunyai pekerjaan," katanya.

Mengulas ramai mahasiswa yang mahukan keseriusan pihak kerajaan dalam melayani pandangan mereka melalui pelbagai mekanisme, Dr Faisol berpendapat, perkataan melayani pandangan mahasiswa oleh kerajaan merupakan sesuatu yang bersifat subjektif.

"Adakah selama ini mahasiswa tidak dilayan dan diberi ruang? Jika dilihat kepada dasar-dasar yang dilakukan selama ini, ternyata mahasiswa telah diberi pelbagai ruang dan peluang. Ruang dan peluang yang diberikan ini menunjukkan kerajaan begitu serius dalam memenuhi kehendak mahasiswa selagi ianya tidak merugikan agama, bangsa dan negara," katanya.

Ujar beliau, sebagai contoh, pinjaman PTPTN sebelum ini dikenakan caj yang begitu tinggi sehingga mencecah empat peratus, namun luahan dan keluh kesah mahasiswa terhadap

bebanan caj ini akhirnya kerajaan bersetuju menurunkan kepada satu peratus. Sekarang mahasiswa menikmati pinjaman PTPTN dengan kadar caj hanya satu peratus sahaja. Di samping itu, pelajar yang mendapat ijazah kelas pertama dikedualikan untuk membayar PTPTN.

"Persoalannya, berapa ramai mahasiswa khususnya bumiputera sedar tentang peluang untuk tidak perlu membayar pinjaman PTPTN dengan cara mendapat ijazah kelas pertama? Adakah mahasiswa bumiputera meletakkan peluang untuk tidak perlu membayar pinjaman PTPTN dengan cara mendapat ijazah kelas pertama sebagai objektif utama belajar di universiti?," soalnya.

Selain itu, katanya, di dalam kampus juga disediakan medan berpolitik melalui pilihan raya kampus. Mahasiswa yang bertanding dibenarkan untuk menerangkan manifesto masing-masing tanpa sekatan. Mereka juga bebas berjumpa dan meraih undi kalangan mahasiswa lain tanpa sebarang sekatan.

"Melalui pendekatan ini, pihak kerajaan melalui kementerian pendidikan tinggi memberikan ruang seluas-luasnya kepada mahasiswa dalam berpolitik kampus demi melahirkan modal insan yang mempunyai kematangan berfikir dan proses menaakul yang selari dengan tuntutan agama, bangsa dan negara.

"Sebenarnya apa yang penting di sini adalah mahasiswa boleh memberi pandangan dan luahan melalui pelbagai saluran selagi mana semangat silaturahim dan bersatu padu demi menjaga keamanan serta keharmonian negara dapat dikekalkan," katanya.



DR MOHD FAISOL